



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2018 Petikan Akhbar Berita Harian - Bursa Tertekan Menjelang Bajet 2019

Berita Harian - Bursa Tertekan Menjelang Bajet 2019

🕒 Jumaat, Okt 12 2018



Bursa tertekan menjelang Bajet 2019

Berita Harian 12/10/18

➔ Ketidaktentuan dalam pasaran saham tempatan terus memuncak sejak Jun

Lima bulan selepas kemenangan mengejut Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), pelabur dalam pasaran saham Malaysia akhirnya menerima hakikat akan berdepan lebih banyak tekanan dalam beberapa bulan akan datang.

Ketidaktentuan dalam pasaran saham tempatan terus memuncak sejak Jun dan indeks penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) terus mencatatkan penyusutan 2.6 peratus hari ini, selepas menyusut 2.2 peratus pada hari sebelumnya.

Ia susulan pengumuman Perdana Menteri pada satu forum awal minggu ini, yang kerajaan akan merangka cukai baharu bagi menampung belanjawan negara yang dibatasi hutang serta perubahan pada levi penggunaan.

"Wujud ketidaktentuan dalam perubahan dasar kerajaan yang boleh menyebabkan pasaran tidak menentu jangka masa terdekat. "Ini bukan sesuatu yang baharu memandangkan kerajaan sudah memberikan isyarat sama sebelum ini," kata Ketua Penyelidik CIMB Investment Bank Bhd bagi Malaysia, Ivy Ng Lee Fang.

Lebih 1,200 bank dan pelabur dari sekurang-kurangnya 10 negara yang menyertai forum 'Malaysia: A New Dawn' di sini pada Selasa, hadir untuk mendapatkan penjelasan mengenai rancangan kerajaan.

Sementara itu, Ketua Penyelidik AllianceDBS Research Sdn Bhd, Bernard Ching, berkata sentimen pelabur mungkin lembap selepas Dr Mahathir dan beberapa menteri Kabinet mengadakan pertemuan dengan komuniti pelaburan.

"Mesej yang diperoleh komuniti pelaburan tidak dijangka oleh mana-mana pihak," katanya.

Indeks penanda aras Malaysia susut selama dua hari sejak Oktober 2008. Ia mengalami pembetulan pada Jun, selepas pelabur asing menjauhi pasaran berikutan kemenangan mengejut Dr Mahathir pada Mei.

Aliran berubah negatif

Aliran keluar dana asing mencecah AS\$2.2 bilion (RM9.15 bilion) tahun ini selepas aliran saham berubah kepada negatif sejurus berlakunya perubahan dalam kerajaan, demikian menurut data yang dikumpul



Ivy Ng Lee Fang

oleh Bloomberg.

Bajet 2019 kerajaan yang dibentangkan 2 November ini mungkin memberi lebih banyak idea konkrit dan muktamad mengenai apa yang diharapkan pasaran.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata langkah cukai baharu akan diumumkan sebagai sebahagian daripada ucapan bajet.

Bajet yang dibentangkan kerajaan akan memberi implikasi ketara kepada pasaran memandangkan kekangan fiskal dan langkah yang diumumkan bakal menjadi sumber baharu kepada pendapatan negara, kata Penganalisis RHB Research Institute, Alexander Chia dalam nota penyelidikan.

Dr Mahathir juga akan mengumumkan dasar ekonomi sosial baharu pada 18 Oktober ini apabila beliau membentangkan perkembangan kajian jangka pertengahan bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Sesetengah pelabur mungkin tidak memasuki pasaran menjelang pengumuman terbabit, di tengah-tengah ketidakpastian politik dan rancangan kerajaan untuk memperkenalkan cukai baharu, kata Ahli Strategi CMC Markets Singapore Pte, Margaret Yang.

BLOOMBERG



- BISNES
- AGENSI
- WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ pro[at]treasury[dot]gov[dot]my



© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

